

28 NOV 1996

M'SIA AKAN TAWARKAN APA YANG TERMAMPU UNTUK ITA, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Malaysia akan menawarkan apa sahaja yang ia mampu kepada Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat, demikian menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Beliau berpuas hati dengan pengisytiharan APEC ke atas ITA kerana ia membayangkan yang kini terdapat fleksibiliti untuk menawarkan apa yang mereka boleh dalam tempoh masa yang boleh dikendalikan, walaupun ada sesetengah negara mahu menyudahi perjanjian itu di mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura bulan depan.

Oleh yang demikian, anggota-anggota Apec tidak perlu gelisah dengan tarikh sasaran 2000, kata beliau kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Rancangan Pelan Induk Perindustrian Kedua di sini.

"Jadi, mereka boleh menawarkan apa sahaja yang sanggup mereka tawarkan. Sudah tentu kita harap negara-negara yang telah membuat tawaran di Geneva dulu tidak menarik balik tawaran mereka, tetapi terus memberi sumbangan", kata beliau.

Merujuk pada kenyataan Amerika Syarikat yang menyatakan negara itu telah mencapai yang yang dihasratkan di Sidang Kemuncak Manila, Rafidah berkata negara itu hanya mahukan satu peranggan ITA dimasukkan dalam pengisytiharan para pemimpin.

"Itu hanya pada asasnya sahaja. Mulanya mereka mahu pengurangan tarif sepenuhnya kepada sifar untuk semua barangan menjelang tahun 2000. Yang itu mereka tidak dapat.

Apa yang mereka dapat ialah berusaha untuk mengujudkan ITA di mesyuarat ITO di Singapura dengan pengurangan tarif yang agak banyak sementara negara-negara diberikan fleksibiliti menawarkan apa yang mereka mahu dalam tempoh jangkamasa yang mereka mampu", tambah beliau. -- BERNAMA

RAM SHY AA MA